

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tan Sri Dato' Sri Dr.
Jamaluddin bin Mohd Jarjis**

TARIKH : 11.03.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 63

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) perancangan Kementerian untuk menaik taraf bekalan air di luar bandar sama ada di kampung-kampung tradisional dan di FELDA-FELDA bagi memastikan bahawa gangguan bekalan air bersih dapat memenuhi keperluan setempat seperti di Gugusan Tun Razak dan Selancar; dan

- (b) apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk membekalkan air bersih di kawasan luar bandar di kawasan perkampungan tradisional dan di Felda-felda.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, skop Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah membuat penyambungan paip retikulasi ke rumah-rumah yang masih belum mendapat kemudahan akses bekalan air bersih dan terawat. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menaik taraf sistem bekalan air di sesuatu kawasan, Kementerian akan mempertimbangkannya secara '*case by case*' dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) berhubung dengan keperluan tersebut tertakluk kepada skop program BALB yang dilaksanakan oleh Kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kawasan rancangan FELDA adalah di luar tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, sebaliknya ia diuruskan sendiri oleh FELDA di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini mendapat maklum bahawa kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air di kawasan rancangan FELDA di seluruh Negeri Pahang sedang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh FELDA. Status terkini kemajuan Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air Di Seluruh FELDA Negeri Pahang adalah 92%. Selain itu, bagi Daerah Rompin, kerja-kerja telah disiapkan sepenuhnya oleh pihak kontraktor dan telah digunakan oleh pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP).

- (b) Kementerian akan meneruskan pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) berdasarkan keperluan semasa dan peruntukan yang diluluskan bagi memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan ke seluruh kawasan penempatan di luar bandar. Usaha ini termasuklah pemasangan paip retikulasi, pembinaan tangki dan menaiktaraf loji.